


## **PENGUMUMAN PENTING KESELAMATAN PRODUK** **PENAFIAN DAKWAAN KEBOCORAN ELEKTRIK PETI SEJUK**



Merujuk kepada video yang tersebar di media sosial baru-baru ini, di mana dalam video tersebut, keselamatan penggunaan peti sejuk Panasonic dipertikaikan. Pengulas dalam video tersebut mendakwa bahawa berlaku kebocoran elektrik pada peti sejuk berdasarkan ujian menggunakan "test pen" pada permukaan tertentu peti sejuk tersebut.

Pihak kami telah menjalankan pemeriksaan di tempat kejadian pada 5 Julai 2019. Berdasarkan ujian-ujian keselamatan yang dijalankan ke atas peti sejuk tersebut, tiada tanda-tanda kebocoran elektrik yang dikesan, dan disahkan bahawa produk tersebut adalah dalam keadaan baik serta selamat untuk digunakan.

Pihak kami ingin menegaskan bahawa syarikat Panasonic sentiasa meletakkan keselamatan produk sebagai keutamaan tertinggi. Semua barangan Panasonic mematuhi segala peraturan keselamatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, serta diluluskan oleh SIRIM dan Suruhanjaya Tenaga Malaysia.

Para pelanggan adalah dinasihatkan supaya menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami (Tel: + 603-79537600 Faks: + 603-79537606 E-mel: [ccc@my.panasonic.com](mailto:ccc@my.panasonic.com)) untuk sebarang pertanyaan khidmat pelanggan.

Panasonic Malaysia memelihara hak untuk mengambil tindakan termasuk tindakan undang-undang terhadap sebarang penyebaran kenyataan palsu di media sosial atau media lain yang akan mencemarkan atau menjejaskan reputasi jenama Panasonic.

### *Penafian*

*Panasonic tidak akan menanggung apa-apa liabiliti atas kesilapan pendawaian elektrik premis, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemasangan, pembaikan dan/atau kerja pengubahsuaian tanpa sah yang menyebabkan keadaan berbahaya yang mengakibatkan kematian, kecederaan peribadi, kerosakan harta benda dan kerugian kewangan (jika ada).*

Panasonic Malaysia Sdn Bhd

**Panasonic Malaysia Sdn Bhd (26975-W)**

**Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya,**

**Selangor Darul Ehsan.**

**Gen. Line: 03-78097888**